

27/06/1998

Kaji semula sistem pendidikan negara

Mohd Fuad Razali

KERAJAAN disaran mengkaji semula sistem pendidikan negara kerana gagal melahirkan teknokrat dan ahli profesional yang berakhlak mulia berikutan pelbagai penyelewengan yang berlaku di kalangan mereka.

Presiden Persatuan Mahasiswa Universiti Teknologi Malaysia (PMUTM), Nik Abdul Hafiz Nik Abdullah, berkata sistem pendidikan negara mungkin berjaya menghasilkan teknokrat dan profesional yang mempunyai kemahiran dan intelektual tinggi tetapi akhlak mereka masih boleh dipersoalkan.

Katanya, keadaan itu terbukti berikutan timbul pelbagai gejala sosial seperti penyelewengan, penipuan, penindasan, rasuah dan pecah amanah yang membabitkan pegawai berpendidikan tinggi dari dalam mahupun luar negara.

"Walaupun mungkin hanya membabitkan peratusan yang kecil daripada masyarakat, keadaan ini seolah-olah menyatakan pendidikan hari ini masih belum berjaya membina insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.

"Oleh itu, penilaian perlu untuk meninjau kekurangan yang masih wujud bagi menghasilkan sistem pendidikan yang bertaraf dunia," katanya ketika membentangkan kertas kerja bertajuk Pendidikan di Malaysia: Suatu Penilaian.

Kertas kerja itu dibentangkan di Seminar Kepimpinan Mahasiswa Ketiga di UTM Kuala Lumpur, semalam.

Seminar itu anjuran bersama Sekretariat Timbalan-timbalan Naib Canselor/Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar) Universiti dan Biro Tatanegara Jabatan Perdana Menteri.

Kira-kira 300 pemimpin pelajar dari 10 institusi pengajian tinggi awam, termasuk Institut Teknologi Mara, menghadiri seminar tiga hari itu yang akan berakhir hari ini.

Seminar itu dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam di Pusat Islam dan akan ditutup oleh Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak, pagi ini.

Menurut Nik Hafiz, sistem pendidikan yang terlalu mengkhusus dalam bidang sains, sastera atau agama serta tanpa pertalian antara bidang terbabit melahirkan intelektual, saintis dan ahli profesional yang tidak memahami agama serta ulama yang langsung tidak berminat dengan soal sains, kehidupan dan keduniaan.

Katanya, keadaan itu bukan sahaja tidak sihat tetapi juga membawa kerugian kepada masyarakat.

"Pemikiran sebegini perlu diperbetulkan. Kita perlu melahirkan insan saleh yang menghayati ilmu teras, pakar di dalam bidang masing-masing di samping arif di dalam semua disiplin ilmu," katanya.

Menurutnya, kebejatan akhlak di kalangan mahasiswa berlaku kerana fenomena dualisme dan sekularisme di dalam sistem pendidikan yang menyebabkan berlaku krisis dari segi pemikiran.

(END)